

JPS diminta kaji punca

Zambry mahu kejadian banjir di Manjoi diteliti

**NURUL MAZWANA
HAMDAN**

IPOH – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta mengkaji dan mencari punca sebenar berlakunya kejadian banjir di Manjoi, baru-baru ini, kerana kawasan itu tidak pernah terlibat dengan banjir buruk sejak 30 hingga 40 tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, JPS perlu meneliti semula masalah tersebut kerana difahamkan Sungai Pari tidak

mampu menampung kapasiti kandungan air yang meningkat kerana hujan lebat.

“Selain itu, kejadian hujan luar biasa yang berlaku pada hari kejadian juga punca utama sehingga menyebabkan kawasan berkenaan dinaiki air sekali gus dan penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan,” katanya ketika ditemui pada sidang media, di sini semalam.

Zambry turut mengulas kesediaan penduduk yang tinggal di kawasan pinggir sungai berpindah dari pe-

“Kejadian hujan luar biasa yang berlaku pada hari kejadian juga punca utama sehingga menyebabkan kawasan berkenaan dinaiki air sekali gus dan penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan.”

Dr Zambry

nempatan tersebut jika Kerajaan Negeri menyediakan tempat lain.

“Kita akan cuba lihat dahulu isu tersebut apa yang lebih penting sekarang JPS perlu membuat penelitian terlebih dahulu,” katanya.

Selain itu, beliau turut

mengulas berkaitan projek tapak pelupusan sampah di Papan yang tidak dipersetujui oleh segelintir pihak.

Katanya, dalam perkara tersebut, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil kira banyak aspek sebelum memberi kelulusan kepada kawa-

san berkenaan untuk dijadikan tapak pelupusan sampah.

Menurutnya, Kerajaan Negeri tidak akan sesekali membuat keputusan yang boleh menjejaskan kualiti kehidupan rakyat terutama yang berada di kawasan sekeliling.

“Selain itu, pemilihan kawasan tersebut juga disebabkan oleh tapak pelupusan sampah di Bercham semakin penuh sekali gus menyebabkan Ipoh juga perlu ada satu tapak pelupusan sampah dan kawasan berkenaan adalah yang terbaik,” katanya.